

**TEKS UCAPAN PERASMIAN  
OLEH  
YBHG. DATO' LAMIEN BIN SAWIYO  
SETIAUSAHA  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PUSAT TEMU DUGA SPA MALAYSIA  
SIBU, SARAWAK**

**PADA  
15 MAC 2012**

BISMILLAHHIR RAHMANIR RAHIM

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis

Yang Berusaha Encik Sim Kok Kee

Residen Bahagian Sibu

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan di Sibu

Ketua-Ketua Jabatan Negeri Sarawak di Sibu

YBhg. Datuk-Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T, kerana dengan izinNya, kita semua dapat berkumpul di sini sempena Majlis Perasmian Pusat Temu Duga SPA Malaysia Sibul, Sarawak. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir bagi memeriahkan lagi majlis pada petang ini.

2. Pembukaan Pusat Temu Duga SPA di Sibul, Sarawak ini merupakan kesinambungan kepada usaha SPA untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada calon-calon yang menghadiri temu duga dan berurusan dengan SPA khususnya anak-anak Negeri Sarawak yang berada di Sibul dan juga di bahagian berdekatan seperti Sarikei, Kapit dan Mukah. Sesungguhnya usaha SPA mewujudkan pusat temu duga ini adalah manifestasi SPA untuk mendahulukan pelanggan dan mendekatkan lagi perkhidmatan SPA ke Sarawak selari dengan Gagasan 1 Malaysia, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". SPA percaya lokasi pusat temu duga yang strategik ini tentunya akan memberikan kemudahan kepada rakyat Sarawak, khususnya penduduk di sekitar Sarikei, Kapit, Mukah dan Sibul menghadiri temu duga yang dikendalikan oleh SPA.

3. Menyedari bahawa Negeri Sarawak merupakan sebuah negeri yang terbesar di Malaysia, SPA telah mengambil inisiatif membuka pejabat cawangan dan pusat temu duga di Kuching dan menubuhkan pusat temu duga di Miri dan Sibul. SPA berharap dengan pembukaan pusat temu duga di luar Kuching seperti di Sibul dan Miri bukan sahaja memudahkan urusan logistik di peringkat urus setia SPA Cawangan Sarawak malahan telah dapat membantu jabatan-jabatan Persekutuan yang terlibat dalam urusan temu duga. Pada kesempatan ini, saya bagi pihak SPA mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada jabatan-jabatan Persekutuan dan negeri di bahagian Sibul yang telah banyak membantu SPA dalam menyediakan bilik temu duga dan keperluan logistik sebelum ini. Walau bagaimanapun, saya juga faham masalah atau kekangan yang dihadapi oleh jabatan untuk membantu SPA menyediakan bilik temu duga yang sesuai sekiranya urusan temu duga kerap diadakan dan perlu diadakan dengan segera atau secara *ad hoc*.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

4. Dalam usaha kerajaan untuk melaksanakan pelbagai polisi dan rancangan untuk memajukan negara seterusnya meningkatkan

kesejahteraan rakyat, SPA memainkan peranan yang sangat penting untuk menentukan tahap kualiti modal insan yang akan memasuki perkhidmatan awam adalah tinggi. Kualiti modal insan yang tinggi akan membantu menjamin dasar pengurusan dan projek kerajaan dapat dilaksanakan dengan jayanya. Untuk itu, SPA sentiasa berusaha memastikan calon-calon mempunyai kelayakan akademik yang cemerlang, memiliki kompetensi yang sesuai, sahsiah dan peribadi unggul serta menunjukkan prestasi yang terbaik semasa temu duga dalam mengisi sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam.

5. Pada masa yang sama, SPA juga bertanggungjawab bagi memastikan urusan temu duga dapat dikendalikan secara adil dan saksama tanpa mengira latar belakang kaum, agama, negeri kelahiran mahupun fahaman politik seseorang calon. Seluruh lapisan masyarakat di negara ini meletakkan pengharapan yang amat tinggi agar SPA sentiasa dapat menjaga kredibilitinya sebagai pihak berkuasa melantik yang adil, telus dan berwibawa. SPA sentiasa berusaha untuk memberikan peluang yang saksama kepada rakyat Malaysia yang ingin menabur bakti kepada negara dengan menyertai perkhidmatan awam.

6. Tugas dan tanggungjawab berat SPA untuk memastikan kredibiliti proses pelantikan ke perkhidmatan awam Persekutuan sentiasa dipelihara telah menjadikan SPA '*Pioneer*' atau peneraju dalam urusan pengambilan pegawai awam. SPA sentiasa mencari pendekatan yang adil, saksama, telus dan berkesan agar semua urusan pengambilan dapat diselesaikan serta memuaskan hati semua pelanggannya. Pelbagai penambahbaikan dan perubahan dalam proses kerja di SPA telah dilaksanakan. Antara transformasi dan pembaharuan yang telah dilaksanakan adalah memperkenalkan kaedah pengambilan secara profiling yang juga dikenali sebagai *MyRecruitment*. Melalui kaedah ini, semua permohonan jawatan akan disaring melalui tapisan awal, peperiksaan, sesi penilaian kompetensi berpusat dan akhir sekali sesi temu duga. Semenjak ia dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada awal tahun 2010 sebanyak 55 skim perkhidmatan telah menggunakan sistem pengambilan melalui kaedah *MyRecruitment*. Jumlah ini melibatkan jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana. Kaedah ini membuktikan lagi ketelusan SPA dalam melaksanakan urusan pengambilan yang bukan hanya berdasarkan kriteria akademik semata-mata tetapi juga perlu memiliki kompetensi yang sesuai dengan jawatan yang disandang. Melalui kaedah ini juga calon yang mempunyai tahap kelulusan ijazah

yang minima masih berpeluang dinilai oleh SPA jika berjaya di dalam peperiksaan dan penilaian kompetensi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

7. Pada tahun 2011, seramai 1,123,692 calon telah mengemukakan permohonan dengan SPA. Daripada jumlah tersebut, seramai 150,159 calon telah dipanggil temu duga dan seramai 36,810 calon telah dilantik oleh SPA ke pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam. Di kalangan anak-anak Negeri Sarawak pula, statistik bagi tahun 2011 menunjukkan seramai 14,137 calon anak Negeri Sarawak telah ditemu duga dan 3,310 calon telah berjaya dilantik atau ditawarkan latihan ke dalam perkhidmatan awam Persekutuan.

8. Penubuhan pusat temu duga di Sibul dan Miri bukan hanya dikhususkan untuk urusan temu duga sahaja, malah ia juga telah dan akan terus dilengkapi dengan kemudahan komputer bagi memudahkan orang ramai membuat permohonan kepada SPA secara *online* di samping dapat menyediakan kemudahan untuk urusan peperiksaan memasuki perkhidmatan awam bagi skim-skim perkhidmatan yang tertentu. Dalam

rancangan strategik SPA sehingga tahun 2015, semua pusat temu duga di seluruh negara akan dimaksimumkan kapasitinya untuk menjadi “*One Stop Centre*” dengan memberikan kemudahan kepada pelanggan sama ada pemohon pekerjaan mahupun yang sedang berkhidmat mendapatkan perkhidmatan dari pusat temu duga sedia ada.

9. Pada kesempatan ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan di atas kesudian untuk hadir pada majlis ini dan terima kasih juga kepada Pejabat SPA Malaysia Cawangan Sarawak dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan Majlis Perasmian Pusat Temu Duga SPA Malaysia Sibul, Sarawak pada petang ini.

Dengan lafaz Bismillahir Rahmanir Rahim saya dengan ini merasmikan Pusat Temu Duga SPA Malaysia Sibul, Sarawak.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam sejahtera.